

Saling bersatu hadapi pencabar enakmen jenayah syariah

- Kerajaan negeri perlu mengambil perhatian ke atas kes mempertikaikan kuasa menggubal undang-undang sekiranya dibawa ke mahkamah, termasuk kes atau pertikaian membabitkan undang-undang Islam

- Apabila berlaku cabaran terhadap undang-undang kesalahan agama Islam, maka ia adalah tanggungjawab semua kerajaan negeri dan agensinya terutama MAIN dan JAIN



Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Oleh Datuk Dr Shamrahayu A Aziz
bhrencana@bh.com.my

Minggu ini, selain dihangatkan dengan keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN), pelantikan menteri besar dan pembentukan kerajaan negeri, negara turut 'dipanaskan' dengan pertembungan kes di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Dalam hal ini, tumpuan terarah kepada petisyen difailkan Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid dan Tengku Yasmin Nastasha Tengku Abdul Rahman mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 dalam usaha mengisytiharkan 20 peruntukan kesalahan dalam enakmen itu, terbatal dan tidak sah.

Sebelum ini, seorang individu, Iki Putra Mubarak mencabar peruntukan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (EJSS) 1995 dengan menghujah - DUN dan Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk menggubal dan membicarakan kes jenayah liwat.

Penulisan ini bukan mengulas kedua-dua kes berkenaan bagi mengelak timbul subjudis dan menghina mahkamah, sebaliknya mengulas sistem perundangan yang wujud di negara ini dan punca kuasa dalam penggubalannya mengikut lunas Perlembagaan.

Malaysia secara umumnya mengamalkan dua sistem perundangan, iaitu perundangan pada peringkat Persekutuan dan peringkat negeri. Kuasa menggubal undang-undang peringkat Persekutuan adalah di Parlimen, manakala kuasa perundangan negeri tertakluk kepada hak Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kuasa Perundangan pada kedua-dua peringkat kerajaan ini ditetapkan Perlembagaan, iaitu undang-undang tertinggi negara dan dinyatakan pada Jadual Kesembilan.

Jadual Kesembilan mempunyai tiga senarai perundangan utama, iaitu Senarai I (Senarai Persekutuan), Senarai II (Senarai Negeri) dan Senarai III (Senarai Bersama). Sementara itu, Sabah dan Sarawak mempunyai Senarai Tambahan bagi Senarai II dan Senarai III.

Semua senarai perundangan ini menyatakan butiran atau undang-undang boleh digubal badan perundangan Persekutuan atau negeri, manakala undang-undang membabitkan butiran dalam Senarai Bersama boleh digubal mana-mana badan perundangan terbabit.

Bermakna, Parlimen atau DUN boleh membuat undang-undang mengenal butiran dinyatakan dalam senarai bersama, namun jika berlaku percanggahan antara undang-undang Persekutuan dan ne-

geri, maka undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang negeri.

Senarai I pula menyatakan 27 butiran utama kuasa perundangan Persekutuan, membabitkan perkara penting seperti hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan, perdagangan dan kewangan serta beberapa perkara lain.

Dalam hal ehwal Islam, penting untuk dinyatakan senarai Persekutuan menyatakan kuasa perundangan Persekutuan untuk menggubal undang-undang serta tatacara sivil serta jenayah dan pentadbiran keadilan. Ini termasuk hal berkaitan 'penentuan hukum syarak dan undang-undang lain bagi maksud undang-undang Persekutuan'.

Peruntukan ini belum pernah ditafsirkan mahkamah, namun apa yang dapat difahami ialah Parlimen mempunyai kuasa membuat undang-undang menurut penentuan hukum syarak. Butiran ini juga kekuatan bagi kedudukan hukum syarak dalam penggubalan undang-undang.

“Tindakan seragam dapat perlihatkan kesatuan dalam kalangan negeri berkaitan hal ehwal Islam, bukan sahaja perundangan Islam”

Senarai II atau senarai negeri pula menetapkan 13 butiran utama mengenai perkara terkandung di bawah kuasa badan perundangan negeri, membabitkan hal ehwal Islam, terutama berkaitan kesalahan dan hukuman bagi orang Islam, tetapi tidak termasuk perkara dalam senarai Persekutuan.

Frasa ini ditafsirkan Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra mencabar peruntukan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (EJSS) 1995 dengan mendakwa negeri atau Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal dan membicarakan kes jenayah liwat.

Walau apa pun diperkatakan mengenai kesalahan syariah, kebanyakan kesalahan dinyatakan dalam undang-undang bertulis berkaitan kesalahan syariah, sudah lama wujud di kebanyakan negeri.

Dari sudut sejarah, peruntukan berkaitan penguasaan kuasa antara negeri dan Persekutuan kali pertama diperkenalkan secara sah dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan seterusnya di-

buat semula dalam Perlembagaan Persekutuan bagi Tanah Melayu merdeka pada 1957.

Oleh kerana senarai penguasaan kuasa dimaklumkan dalam Perlembagaan mendapat persetujuan bersama dengan negeri, maka pihak terbabit khususnya kerajaan negeri hendaklah sentiasa bertanggungjawab bagi memastikan perkara dihasratkan dalam senarai perundangan terbabit dikekalkan.

Tanggungjawab kerajaan negeri

Justeru, kerajaan negeri perlu mengambil perhatian ke atas kes mempertikaikan kuasa menggubal undang-undang sekiranya dibawa ke mahkamah, termasuk kes atau pertikaian membabitkan undang-undang Islam. Kerajaan negeri adalah pihak menguruskan setiap proses penggubalan undang-undang peringkat negeri.

Sebagai contoh, sekiranya pertikaian berkaitan undang-undang mengenai kesalahan mengikut undang-undang Islam di bawa ke mahkamah, maka kerajaan negeri perlu mengambil perhatian, bukan sahaja menyerahkan tanggungjawab itu kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sahaja.

Dengan kata ringkas, sekiranya timbul pertikaian kuasa DUN untuk menggubal undang-undang, maka kerajaan negeri bertanggungjawab mempertahankannya.

Sebagai penasihat kepada Sultan, MAIN perlu mengambil tindakan proaktif dan segera menyampaikan syor bersesuaian kepada Sultan.

Selain itu, semua pihak terbabit dalam penggubalan undang-undang dan dasar negeri perlu sentiasa berhubung supaya tindakan diambil itu menepati hasrat perundangan Islam.

Tindakan seragam dapat memperlihatkan kesatuan dalam kalangan negeri berkaitan hal ehwal Islam, bukan sahaja perundangan Islam. Walaupun keseragaman mungkin sukar diperoleh, tidak mustahil ia dapat dicapai demi kepentingan Islam dan perundangan Islam itu sendiri.

Maka, usaha bagi membentuk kesatuan adalah satu ujian atau cabaran yang mana kerajaan negeri serta pihak berkuasa berkaitan agama Islam perlu menguruskannya dengan sebaik mungkin. Perkara ini memerlukan 'hati saling bertaut dan tindakan berpaut' atau sokong menyokong antara satu sama lain ibarat 'aur dengan tebing'.

Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam juga boleh berperanan atau digembleng keupayaannya bagi mendepani isu atau pertikaian atau cabaran pihak tertentu terhadap hal ehwal Islam, termasuk perundangan Islam.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH